

MAHATHIR

1978

ALOR STAR, 11 MEI (BERNAMA) -- TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENEGASKAN HARI INI USAHA-USAHA UMNO UNTUK MEMPERKUKUKKAN KEDUDUKANNYA BUKANLAH BERMAKSUD UNTUK MEMBANGGA-BANGGAKAN KEKUATANNYA TETAPI BAGI MENJAMIN MASA DEPAN ANAK CUCU DAN GENERASI AKAN DATANG.

KATANYA, UMNO TELAH DITUBUHKAN UNTUK SEMUA LAPISAN MASYARAKAT DAN GENERASI BAGI MEMPASTIKAN PERJUANGANNYA DAPAT BERJALAN TERUS-MENERUS.

+PERJUANGAN UMNO MESTILAH DITERUSKAN UNTJK MEMBOLEHKAN UGAMA, BANGSA DAN NEGARA DILETAKKAN DITEMPAT YANG DIHORMATI DAN DITAKUTI ORANG, + TAMBAHNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA NAIB PRESDEN UMNO MALAYSIA BERKATA DEMIKIAN KETIKA BERUCAP KEPADA LEBIH 5,000 ORANG DI SATU PERHIMPUNAN MERAYAKAN ULANGTAHUN UMNO YANG KE 32 ANJURAN UMNO NEGERI KEDAH DI STADIUM DATUK SYED OMAR DI SINI.

MENTERI KEWANGAN, TENGGU RAZALEIGH HAMZAH, MENTERI BESAR KEDAH, DATUK ERI SYED AHMAD SHAHABUDDIN, MENTERI BESAR PERLIS, DATUK HAJI JAAFAR HASSAN DAN PEMANGKU KETUA PERGERAKAN PEMUDA UMNO MALAYSIA, HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN ADALAH DIANTARA YANG TURUT HADIR. -- BERSAMBUNG 2040/AB

EE

B629

MAHATHIR 2 ALOR STAR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, PERJUANGAN UMNO AKAN DAPAT MENJAMIN AGAR ORANG-ORANG MELAYU BOLEH DUDUK DAN BERDIRI SAMA TINGGI DENGAN KAUM-KAUM LAIN DALAM SEMUA BIDANG.

KATANYA, UMNO DAPAT DUDUK TERUS DISEBABKAN PARTI ITU SENTIASA BERSATUPADU DAN MENDAPAT SOKONGAN DRI SEBAHAGIAN BESAR ORANG-ORANG MELAYU.

DISAMPING ITU, SEBAHAGIAN BESAR DARIPADA GOLONGAN MUDA TELAH MASUK MENJADI AHLI UMNO KERANA MERKA MEMPUNYAI KEYAKINAN DAN KEPERCAYAAN TERHADAP PERJUANGAN UMNO YANG TELAH DIASASKAN OLEH PENGANJUR-PENGANJUR PARTI ITU.

+KITA MESTILAH BERSYUKUR YANG UMNO TELAH UJUD SELAMA 32 TAHUN DAN MENCAPAI BANYAK KEJAYAAN UNTUK ORANG-ORANG MELAYU KHASNYA DAN NEGARA AMNYA, + TAMBAH BELTAU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEKANKAN, KUNCI KEJAYAAN YANG DICAPAI OLEH PARTI ITU IALAH PERPADUAN ERAT YANG UJUD DI KALANGAN AHLI-AHLINYA SERTA SOKONGAN KUAT DARI RAKYAT. - BERSAMBUNG 2044/AB

EE

B630

MAHATHIR 3 ALOR STAR

KATANYA, UMNO TELAH DITUBUHKAN SEMATA-MATA UNTUK BERKHIDMAT DAN BEKERJA BAGI FAEDAH RAKYAT.

AKAN TETAPI, KATA TIMBALAN PERDANA MENTERI, ADA SETENGAH GOLONGAN RAKYAT YANG BERASA KURANG SENANG DENGAN USAHA-USAHA SEPERTI ITU DAN MERKA MENCUBA UNTUK MEMECAH-BELAHKAN PERPADUAN RAKYAT UNTUK MENCAPAI NIAT JAHAT MERKA.

+KITA MESTILAH BERHATI-HATI TERHADAP TINDAK-TANDUK ORANG-ORANG SEPERTI ITU DAN MEMPASTIKAN SUPAYA MERKA TIDAK DAPAT MENCAPAI HASRAT MERKA, + KATANYA.

BELIAU JUGA MENINGATKAN AHLI-AHLI UMNO SUPAYA JANGAN TERPENGARUH DENGAN KATA-KATA YANG KEKAYAAN TIDAK PENTING DALAM PERJUANGAN UNTUK MENGUJUDKAN MASA DEPAN YANG LEBIH CERAH.

BELIAU MENEGASKAN, KEKAYAAN ADALAH PENTING BAGI MENJAMIN KEUTUHAN UGAMA ISLAM, BANGSA DAN KEDAULATAN NEGARA.

TERDAHULU TENGGU RAZALEIGH DALAM UCAPANNYA MENSIFATKAN PERKEMBANGAN-PERKEMBANGAN BARU YANG UJUD DALAM UMNO BUKANLAH BERMAKNA UJUDNYA SATU PEREBUTAN KUASA.

KATANYA, REBUTAN KUASA TIDAK ADA DALAM SISTEM DEMOKRASI UMNO.  
— BERSAMBUNG 2048/AB  
MAHATHIR 4 ALOR STAR

BELIAU MENYERU AHLI-AHLI UMNO SUPAYA MEMPERHEBATKAN KEMPEN DARI RUMAH KE RUMAH UNTUK MEMBASUH FITNAH-FITNAH YANG TELAH DITABURKAN OLEH PEMIMPIN-PEMIMPIN PARTI PEMBANGKANG TERHADAP UMNO.

AHLI-AHLI UMNO HENDAKLAH TERUS BEKERJA KUAT UNTUK MENJAMIN KEJAYAAN CEMERLANG DALAM PILIHANRAYA AKAN DATANG. -- BERNAMA  
2050/AB